

dingkan, maka salah satu cara berikut bolehlah diikuti.

* Rebus atau wapikan alat-alat tersebut di dalam air yang mendidih selama 10-20 minit sebelum digunakan semula. Sterilizer yang menggunakan air mudah didapat di pasaran atau

rendam alat-alat berkenaan di dalam cecair pembunuh kuman seperti chlorhexidene dan lain-lain mengikut peraturan-peraturan bagi setiap jenama cecair pembunuh kuman tersebut. Selepas itu, alat-alat tersebut dapat digunakan semula.

- ii) Jangan cuba menguji jarum yang tajam pada kulit anda sendiri pada bila-bila masa.

MAKLUMAT AM

- i) Luka pada tangan anda.
Balut luka pada tangan anda dengan pembalut luka yang kalis air seperti elastoplast dan lain-lain sebelum anda mula bekerja. Jika anda terluka semasa bekerja, baringkan darah mengalir di bawah air paip dan balut luka tangan dengan pembalut kalis air setelah pendarahan berhenti.

Jika kulit pelanggan anda terluka, kesat darah dengan kain kasa yang bersih dan buang ke dalam tong sampah. Pastikan diri anda dari tersentuh dengan darah atau kain kasa yang kesat darah tadi.

Pastikan peralatan yang tercemar oleh darah anda/pelanggan anda.

disuapkan terlebih dahulu sebelum digunakan semula.

- ii) Kulit berpenyakit (berkulit).
Jangan menggunakan alat-alat yang tajam seperti jarum pada bahagian kulit yang nyata berpenyakit kerana ia nyata mudah berdarah semasa anda membuat akupunktur.
- iii) Pembuangan alat-alat tajam.
Alat-alat yang tajam hendaklah diletakkan atau dibuang pada tempat yang selamat supaya tidak mencederakan pelanggan anda.
- iv) Amalan-amalan yang berbeza.
Anda hendaklah sentiasa membasuh tangan anda dengan air dan sabun selepas selesai menjalankan akupunktur.

Sentiasa bersihkan persekitaran kedai anda. Lantai hendaklah selalu dibersihkan/dicuci dengan cecair antiseptik seperti cresol, chloroxylenol atau chlorhexidine sekurang-kurangnya sekali sehari terutamanya pada tempat-tempat yang digunakan oleh pelanggan anda.

MAKLUMAT LANJUT

Jika anda perlukan nasihat seterusnya, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Pusat-pusat Kesihatan yang berhampiran dengan tempat anda.

Dititikan oleh Unit Pelejaran Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia - 4000093

AIDS




GARIS PANDUAN UNTUK AHLI AKUPUNKTUR

KEJAHILAN PUNCA MAUT

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
"Kami mementingkan Kesihatan anda"

AIDS - BAGAIMANA IA BERJANGKIT

AIDS adalah penyakit yang disebabkan oleh virus HIV di mana ia memusnahkan daya ketahanan badan seseorang untuk melawan jangkitan penyakit lain.



AIDS boleh berjangkit melalui tiga cara sahaja:

- 1) melakukan perhubungan seks dengan orang yang telah dijangkiti oleh virus HIV
- 2) pemindahan darah yang mengandungi virus HIV daripada pesakit atau pembawa AIDS kepada seseorang lain.
- 3) daripada ibu yang telah dijangkiti virus HIV kepada anak yang di dalam kandungannya.

RISIKO AIDS DAN KAITANNYA DENGAN PEKERJAAN ANDA

Risiko jangkitan AIDS di dalam pekerjaan anda adalah tipis. Sehingga ini, tiada seorangpun pernah diketahui mendapat jangkitan virus HIV daripada akupunktur.

Bagaimanapun, pekerjaan anda mungkin melibatkan pemindahan darah daripada seseorang kepada seorang yang lain dengan cara yang tidak disengajakan.

Oleh itu, untuk kepentingan anda dan pelanggan anda, peraturan yang selamat perlulah diikuti untuk memastikan supaya jangkitan penyakit termasuk AIDS tidak berlaku di dalam pekerjaan anda.

PERATURAN- PERATURAN YANG PERLU DIKUTI

1) Peralatan Pakai-Buang

Jika boleh, utamakan penggunaan alat-alat yang dipakai sekali sahaja seperti jarum pakai-buang (disposable).


Jika menggunakan jarum, pisau atau lain-lain alat tajam berulang-kali, ia mestilah dibersihkan daripada kuman sebelum digunakan kepada setiap pelanggan.

2) Pembersihan Kuman

Semua alat-alat yang digunakan

seperti jarum, pervepi dan mangkok logam hendaklah dibersihkan dari kekotoran dan disucihama.

Alat-alat yang tajam yang digunakan semasa akupunktur dan juga alat-alat lain yang tercemar oleh darah pelanggan hendaklah disucihama setiap kali sebelum digunakan kepada pelanggan.



Cara mensucihama adalah seperti berikut:

a) Autoklaf

Ini adalah cara yang paling baik kerana ia amat berkesan memusnahkan semua jenis kuman serta mudah dan selamat digunakan.

b) Cara lain

Jika anda tidak dapat memiliki autoklaf seperti yang dicat-